

NOTA MAKLUMAN
MENGENAI
KEMALANGAN KEBAKARAN DAN LETUPAN KONTENA KAPAL MV
KYPARISSIA DI PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP), GELANG
PATAH, JOHOR
PADA
7 NOVEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan kes di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima maklumat daripada pihak Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mengenai kebakaran kontena di atas Kapal MV Kyparissia di kawasan PTP pada jam 3.30 petang, 7 November 2025.
3. JAS dimaklumkan, kebakaran kontena tersebut berlaku pada jam lebih kurang 11.17 pagi, 7 November 2025,

PERKARA-PERKARA HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

4. Siasatan dijalankan sebaik sahaja maklumat diterima. Pihak PTP memaklumkan, kandungan kontena yang terbakar masih belum dikenalpasti dan masih menunggu pengesahan daripada pihak BOMBA.
5. Pasukan penyiasat tidak dapat menjalankan pemeriksaan lanjut terhadap kapal kerana operasi menyelamatkan dan memadam kebakaran masih dijalankan oleh pihak Bomba dan pihak pelabuhan.
6. Pihak BOMBA Pelabuhan memaklumkan, kebakaran dan letupan hanya berlaku pada kontena yang terletak di bahagian *lower deck* di atas kapal dan badan kapal tidak terbakar. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak BOMBA dan pihak pengurusan kapal.
7. Pihak BOMBA Pelabuhan juga telah menjalankan pemantauan kualiti udara dengan menggunakan peralatan *gasmeter* dan *four gas detector*. Hasil pemantauan kualiti udara mendapati tiada sebarang gas berbahaya atau bertoksik dikesan.
8. Pemeriksaan dan pengesanan gas di seluruh kapal telah dijalankan oleh pasukan HAZMAT. JAS dimaklumkan, keputusan bacaan kualiti udara di atas kapal berada pada paras normal serta selamat.
9. Siasatan JAS mendapati, tiada tumpahan minyak dan bahan kimia ke dalam laut.

10. Pos Kawalan Hadapan yang diketuai oleh OCPD Iskandar Puteri atas nasihat pasukan HAZMAT Bomba bersetuju supaya kontena yang masih berasap dikeluarkan dan dialihkan ke kawasan lapang berdekatan PTP bagi memudahkan usaha pemadaman kontena yang berisiko terbakar semula.

11. Pihak PTP memaklumkan telah mengambil semua langkah berjaga-jaga, termasuk menghentikan operasi buat sementara waktu bagi memastikan keselamatan semua pihak.

12. Operasi pelabuhan telah disambung semula setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan. Pemeriksaan lanjut sedang dilakukan dengan oleh pihak pengurusan kapal.

13. Berdasarkan siasatan dan pemerhatian, didapati kebakaran adalah berlaku pada kontena di atas *deck* kapal dan bukan badan atau komponen kapal. Ia tiada menyebabkan sebarang tumpahan minyak atau bahan kimia ke dalam laut.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

14. JAS telah melakukan pemantauan di lokasi kebakaran untuk mengesan jika berlaku sebarang tumpahan minyak atau bahan kimia.

SYOR

15. JAS akan terus memantau status dan kemajuan pemadaman kebakaran dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada berlaku tumpahan minyak dan bahan kimia.

16. JAS akan mendapatkan maklumat daripada pihak BOMBA berkaitan kandungan kontena yang terbakar.


17. JAS juga akan melakukan pemantauan dan rondaan di kawasan sekitar lokasi kebakaran dengan bantuan pihak PTP dan pihak-pihak berkuasa lain yang terlibat bagi memastikan kejadian terkawal dan tiada pencemaran alam sekitar berlaku akibat kejadian tersebut.

PENUTUP

18. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap aduan ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

7 NOVEMBER 2025



Gambar 1: Lokasi kebakaran / letupan kontena (kotak merah) dan Pos Kawalan Hadapan (PKH) di PTP



Gambar 2 & 3: Kerja pemadaman kebakaran kontena di atas Kapal MV Kyparissia.



Gambar 4 & 5: Taklimat dan perbincangan antara agensi yang terlibat di Pos Kawalan Hadapan (PKH).



Gambar 6: Operasi pemadaman masih giat dijalankan sehingga waktu malam.